PP

lwn.

NG WOON CHIEH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN AZIZ PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-48-2003]
14 OGOS 2008

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar 131.9 gram campuran heroin dan monoacetylmorphines - Sama ada pihak pendakwaan telah mengasaskan kes prima facie terhadap tertuduh - Pertimbangan "maximum evaluation"*

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwaan - Kes prima facie - Pertuduhan mengedar dadah berbahaya - Sama ada pihak pendakwaan telah mengasaskan kes prima facie terhadap tertuduh - Pertimbangan "maximum evaluation"*

Ng Woon Chieh ('OKT') telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu 131.9 gram campuran heroin dan monoacetylmorphines, yang merupakan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Bertindak atas satu maklumat, pada 21 Januari 2003 jam 3.30 petang, SP4 telah mengadakan satu taklimat untuk mengaturkan satu serbuan bersama-sama satu pasukan polis yang mana telah pergi ke satu lokasi di Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur dan sampai di sana jam 5.30 petang. Pada jam 6 petang, SP4 telah nampak sebuah kereta yang dipandu oleh OKT dengan seorang perempuan Cina disebelahnya dan seorang lelaki Cina di belakang. Ketiga-tiga mereka telah pergi ke sebuah kedai makan Cina dan lebih kurang setengah jam kemudian, ketiga-tiga mereka menghala balik ke kereta. SP4 telah mengarahkan anggota untuk melakukan serbuan di mana SP4 telah memperkenalkan diri sebagai polis manakala anggota yang lain membuat tangkapan ke atas ketiga-tiga mereka itu. Melalui pemeriksaan ke atas OKT dan perempuan Cina tidak menemui apa-apa barang salah. Setelah pemeriksaan dijalankan ke atas kereta, SP4 telah menemui satu bungkusan yang mengandungi empat peket ketulan dadah berbahaya tersebut. Hanya OKT seorang saja yang dituduh, manakala dua lagi penumpang iaitu Heng Chan Chin dan Hew Jit Meng telah dibebaskan.

Diputuskan (OKT dilepaskan dan dibebaskan daripada dipanggil membela diri atas pertuduhan):

(1) Setelah mendengar, menilai dan menimbangkan keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan atas pertimbangan "maximum evaluation", pihak pendakwaan telah gagal untuk mengasaskan satu kes *prima facie* terhadap OKT iaitu: (i) tiada apa-apa keterangan OKT mempunyai milikan fizikal ke atas dadah berkenaan; (ii) tiada apa-apa keterangan OKT mempunyai *mens rea* possession ke atas dadah berkenaan; (iii) tiada apa-apa keterangan OKT, semasa ditangkap, berada dekat dengan dadah berkenaan; (iv) tiada apa-apa keterangan OKT bergelut atau meronta-ronta semasa ditahan; (v) tiada apa-apa barangan peribadi kepunyaan OKT terdapat bersama-sama bungkusan dadah; (vi) kehadiran Heng Chan Chin dan Hew Jit Meng bersama-sama OKT semasa ditangkap sekembalinya ke kereta selepas ke restoran; dan (vii) tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan OKT sedang membawa dadah untuk tujuan pengedaran (conveying the drugs for the purpose of trafficking it). (perenggan 27)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Yusoff v. PP [1993] 4 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Basil Omar v. PP [2002] 4 CLJ 418 CA ***(dirujuk)***
Chan Pean Leong v. PP [1956] 1 LNS 17 ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dibezakan)***
PP v. Badrulsham Baharom [1987] 1 LNS 72 ***(dirujuk)***
PP v. Chow Kam Meng [2001] 7 CLJ 387 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(diikuti)***
PP v. Kasmin Soeb [1974] 1 LNS 116 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis [2002] 8 CLJ 814 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhamed Nasir Shaharuddin & Anor [1992] 4 CLJ 2028; [1992] 3 CLJ (Rep) 408 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ouseng Sama-Ae [2008] 1 CLJ 337 CA ***(dirujuk)***
PP v. Surentheran Selvaraja [2005] 2 CLJ 264 CA ***(dirujuk)***
R lwn. Abbot [1955] 2 All ER 899 ***(dirujuk)***
Saad Ibrahim v. PP [1967] 1 LNS 154 ***(dirujuk)***
Shamsuddin Hassan & Anor lwn. PP [1991] 3 CLJ 2414; [1991] 1 CLJ (Rep) 428 SC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor lwn. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(diikuti)***
Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340 FC ***(dirujuk)***
Wong Nam Loi v. PP [1998] 1 CLJ 37 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak PP - Mohd Abazafree DPP
Bagi pihak pembelaan - Micheal KL Chee; T/n KL Chee & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Aziz PK:

Pengenalan

[1] Ng Woon Chieh (OKT) telah dihadapkan ke mahkamah dengan satu pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 seperti berikut:

Pertuduhan

> Bahawa kamu pada 21 Januari 2003 jam lebih kurang 6.30 petang, di hadapan kedai Pronto Dry Cleaning & Laundry (M) Sdn. Bhd., No. 8, Jalan 26/70A, Desa Sri Hartamas, di dalam Daerah Brickfields, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengedar dadah berbahaya iaitu 131.9 gram campuran heroin dan monoacetylmorphines (13.5 gram heroin dan 118.4 gram monoacetylmorphines). Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] OKT telah tidak mengaku salah dan meminta kes dibicarakan. Pihak pendakwaan telah memanggil seramai sepuluh orang saksi bagi membuktikan kes terhadap OKT.

Kes Pendakwaan

[3] Bertindak atas satu maklumat, pada 21 Januari 2003 jam 3.30 petang, SP4 telah mengadakan satu taklimat untuk mengaturkan satu serbuan bersama-sama satu pasukan polis yang mana telah pergi ke satu lokasi di Jalan 25/70A, Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur dan sampai di sana jam 5.30 petang. SP4 serta anggota telah mengambil tempat masing-masing. Pada jam 6 petang, SP4 telah nampak sebuah kereta Proton Waja bernombor WJW 6926 yang dipandu oleh OKT manakala seorang

perempuan Cina disebelahnya, dan seorang lelaki Cina terdapat di belakang. Ketiga-tiga mereka telah pergi ke sebuah kedai makan Cina iaitu Restoran New Sea Seafood dan lebih kurang 1/2 jam kemudian, ketiga-tiga mereka pun menghala balik ke kereta.

[4] SP4 telah mengarahkan anggota untuk melakukan serbuan di mana SP4 telah memperkenalkan diri sebagai polis manakala anggota yang lain membuat tangkapan ke atas ketiga-tiga mereka itu. Melalui pemeriksaan ke atas OKT dan perempuan Cina tidak menemui apa-apa barang salah. Setelah pemeriksaan dijalankan ke atas kereta Proton Waja, SP4 telah menemui satu bungkusan dibaluti pembalut hadiah di bahagian tempat duduk belakang. SP4 telah mengambil kotak tersebut dan membukanya dan mendapati empat peket ketulan bahan berwarna putih yang disyaki dadah heroin.

[5] SP4 telah merampas kotak tersebut dan menangkap OKT dan dua orang lain itu dan dibawa pulang ke IPK. SP4 telah menyerahkan dadah kepada SP7, SP7 seterusnya telah menghantar dadah untuk dianalisa oleh SP2 (Ahli Kimia) dan SP3 (Ahli Forensik). SP2 telah menjalankan analisa ke atas dadah berkenaan dan mengesahkan ianya adalah heroin dan monoacetylmorphines seberat 131.9 gram sepertimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

[6] Hanya OKT seorang saja yang dituduh, manakala dua lagi penumpang iaitu Heng Chan Chin dan Hew Jit Meng (SP8) telah dibebaskan.

Sama Ada Kes *Prima Facie* Telah Diasaskan

[7] Untuk pertuduhan di bawah s. 39B ADB 1952, elemen penting yang perlu diasaskan adakah OKT punya pemilikan yang eksklusif ke atas dadah yang dijumpai itu dan unsur milikan boleh didasarkan atas 'direct evidence', 'circumstantial evidence' ataupun anggapan statutori di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Rujuk kes: *Chan Pean Leong v. PP* [1956] 1 LNS 17.

[8] Pihak pendakwaan telah berhujah bahawa OKT punya milikan fizikal ke atas kotak yang mengandungi dadah tersebut atas alasan seperti berikut:

(a) OKT adalah merupakan pemandu kepada kereta tersebut; A

(b) Pemerhatian oleh SP4 adalah sejak mereka masuk dari jalan utama ke tempat di mana OKT memberhentikan keretanya;

(c) Jarak pemerhatian di antara SP4 dan kereta serta OKT adalah cukup hampir bagi beliau melihat dengan jelas setiap pergerakan OKT; B

(d) Kotak yang mengandungi dadah tersebut hanya diletakkan di atas tempat duduk belakang kereta;

C

(e) Kereta tersebut adalah merupakan sebuah kereta yang telah dilaporkan hilang sejak 26 Julai 2002 (P32) adalah dihujahkan oleh Pendakwa Raya bahawa satu inferens wajar dibuat iaitu OKT gunakan kereta curi untuk lakukan jenayah;

D

(f) Menurut SP8, OKT telah bawa kereta untuk ambil beliau di Taman Dato' Senu. OKT yang bawa kereta dan turut disokong oleh P34;

(g) Menurut P34, OKT biasa datang pakai kereta tersebut; dan

E

(h) SP8 serta percakapan perempuan Cina di P34 dengan jelas menyatakan bahawa dadah atau bungkusan tersebut bukan milik mereka.

[9] Pihak pendakwaan seterusnya telah merujuk kepada kes-kes berikut bagi menyokong hujah mereka: F

(i) *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337.

(ii) *PP v. Surentheran Selvaraja* [2005] 2 CLJ 264.

G

(iii) *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v. PP* [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340.

(iv) *Wong Nam Loi v. PP* [1998] 1 CLJ 37.

[10] Di atas keterangan yang ada, satu inferens yang dibuat adalah: H

(a) OKT ketika ditangkap hanya berdiam diri dan tidak menunjukkan reaksi bagi menunjukkan bahawa dadah tersebut adalah bukan miliknya;

I

A (b) Kereta tersebut dibawa oleh OKT sejak dari Taman Dato' Senu;

(c) Dadah tersebut dibalut atau dibungkus bagi menghalang orang lain daripada melihat isi kandungannya; dan

B (d) SP8 dan seorang lagi wanita Cina melalui P34 telah mengesahkan bahawa kotak tersebut bukan milik mereka.

Pertimbangan Mahkamah

C **[11]** Untuk membuktikan kes *prima facie*, pihak pendakwaan mesti membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan sebenar dadah tersebut dan juga bahawa tertuduh pada masa material mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai dalam milikannya itu.

D Lihat kes: *PP v. Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337.

[12] Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa milikan memerlukan pembuktian elemen berkembar, iaitu elemen pengetahuan di satu pihak dan elemen jagaan dan/atau kawalan di satu pihak yang lain. Elemen awal ialah elemen mental dan
E terkemudian ialah elemen fizikal.

Lihat kes-kes:

Chan Pean Leong v. PP [1956] 1 LNS 17.

F *PP v. Badrulsham Baharom* [1987] 1 LNS 72.

PP v. Muhamed Nasir Shaharuddin & Anor [1992] 4 CLJ 2028; [1992] 3 CLJ (Rep) 408.

G *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis* [2002] 8 CLJ 814.

[13] Di dalam kes ini, tidak dinafikan bahawa semasa serbuan dan tangkapan, terdapat tiga orang yang menaiki kereta waja tersebut, iaitu:

H i. OKT, Ng Woon Chieh.

ii. Heng Chan Chin (penumpang hadapan).

iii. Hew Jit Meng (penumpang belakang).

I

[14] Hanya OKT yang ditangkap dan dituduh manakala dua lagi penumpang dibebaskan. Oleh itu, semasa tangkapan OKT tidak punya milikan eksklusif terhadap dadah (eks. P10-13) tersebut. Dari segi kedekatan tempat, Hew Jit Meng berkedudukan lebih dekat dengan P9 berbanding dengan OKT. Kemungkinan salah seorang daripada mereka yang berada dalam kereta tersebut meletakkannya. Inferen ini menafikan penghujahan bahawa OKT punya milikan eksklusif terhadap dadah yang dijumpai itu.

[15] Apatah lagi dengan merujuk kepada (P34). Percakapan dalam pemeriksaan oleh Heng Chan Chin yang diterima oleh mahkamah, Heng Chan Chin menyatakan antara lain:

Muka surat 2

S: Masa kamu nampak teman lelaki kamu tiba, bagaimana kedudukan mereka dalam kereta Waja itu?

J: Ng duduk bahagian pemandu, dia punya kawan duduk belakang, bahagian mana saya tidak ingat.

Muka surat 3

S: Semasa naik, adakah kamu nampak apa-apa bungkusan hadiah di dalam kereta tersebut?

J: Tiada nampak.

S: Adakah teman lelaki kamu Ng ada ceritakan pada kamu atau kawannya mengenai apa-apa bungkusan hadiah?

J: Tiada.

S: Adakah kamu tahu terdapat dadah dalam kereta tersebut?

J: Tidak tahu.

[16] Adalah jelas daripada P34, OKT adalah pemandu manakala Hew Jit Meng duduk di tempat duduk belakang dan daripada P34 juga, Heng Chan Chin tidak nampak apa-apa bungkusan hadiah di dalam kereta tersebut.

[17] Merujuk kepada kes *Shamsuddin Hassan & Anor lwn. PP* [1991] 3 CLJ 2414; [1991] 1 CLJ (Rep) 428 pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan sama ada OKT atau isterinya yang membuang keluar dari kereta bungkusan yang mengandungi heroin. Kereta tersebut pada masa itu di pandu oleh OKT dan dikejar

A polis. Mahkamah Agung, melalui Hakim Harun Hashim membuat rujukan kepada kes *R lwn. Abbot* [1955] 2 All ER 899 mengenai perkara ini apabila Ketua Hakim Goddard berkata:

> in which two sisters were indicted for murder, and there was
B evidence that they both had been in the room at the time the murder of the boy was committed; but the prosecution could not show that sister A had committed the offence or that sister B had committed the offence. Very likely one or the other must have committed it, but there was no evidence which, and although it is unfortunate that a guilty party cannot be brought to justice, it is
C far more important that there should not be a miscarriage of justice and that the law should be maintained that the prosecution should prove the case.

[18] Di dalam kes *PP v. Chow Kam Meng* [2001] 7 CLJ 387, dadah seberat 19,256 gram telah ditemui dalam tiga bungkusan
D plastik yang diletakkan atas kerusi penumpang belakang kereta. Salah satu alasan mahkamah melepas dan membebaskan OKT ialah tidak terdapat eksklusiviti terhadap dadah tersebut di pihak OKT. Daripada keterangan dalam kes itu, terdapat tiga kemungkinan:

E (a) bahawa kedua-dua mereka mempunyai milikan terhadap dadah;

(b) bahawa Woo Kee Seng mempunyai milikan terhadap dadah; dan

F (c) bahawa OKT mempunyai milikan terhadap dadah.

[19] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, ketiga-tiga inferen yang terdapat dalam kes Chow Kam Meng di atas boleh dibuat kerana terdapat tiga orang dalam kereta semasa ia ditahan oleh SP4. Malah seorang daripada mereka atau ke semua yang berada
G dalam kereta boleh dibuat inferens sebagai memiliki dadah berkenaan.

[20] SP7 menyatakan dalam keterangannya bahawa kereta Waja WJW 6926 telah dilaporkan hilang sejak 26 Julai 2002 iaitu enam
H bulan sebelum tangkapan dibuat dalam kes ini. Melalui P34, dikatakan bahawa "Dia (OKT) biasa datang pakai kereta Waja ini". Namun fakta ini tidak penting kerana walaupun OKT dikatakan biasa datang dengan kereta Waja, tetapi pada hari kejadian terdapat dua orang lagi bersama-sama OKT di dalam
I kereta Waja semasa serbuan dan tangkapan dibuat oleh pihak polis.

[21] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa warna dadah yang dilihat di mahkamah semasa bicara bukanlah putih tetapi coklat dan ini berbeza daripada laporan kimia yang dianalisa. SP2 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa dadah yang diterima daripada pihak polis dan dianalisa adalah sama dengan dadah yang dikemukakan di mahkamah walaupun warna dadah tersebut agak perang. Namun SP2 boleh mengecamkan dadah tersebut adalah sama dengan apa yang dianalisanya. Mahkamah dengan ini menerima penjelasan daripada SP2 dan memutuskan bahawa dadah yang dikemukakan di mahkamah adalah seperti dadah yang dianalisa oleh SP2 dan keterangan serta penjelasan SP2 adalah diterima.

Keputusan Mahkamah

[22] Adalah menjadi tugas mahkamah di akhir kes pihak pendakwaan untuk memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan yang dikemukakan terhadap OKT. Dalam membuat penilaian terhadap keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan di akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP lwn. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 telah meringkaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh mahkamah seperti yang berikut:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence, led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused.

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No", then, a

(iii) *prima facie* case has not been made out and the accused should be acquitted;

A (iv) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(v) after the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. PP* [1963] 1 LNS
B 82.

[23] Daripada keterangan SP4, adalah jelas bahawa OKT ditangkap bersama-sama Heng Chan Chin dan Hew Jit Meng sekembalinya mereka daripada Restoran New Sea Seafood. Hanya
C setelah pemeriksaan tubuh dilakukan ke atas mereka, tidak menemui apa-apa barang salah barulah pemeriksaan ke atas kereta Proton Waja dilakukan dan menemukan satu bungkusan daripada tempat duduk belakang kereta tersebut. Fakta kes ini berbeza daripada kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337 di mana
D dadah ditemui daripada kereta sebaik saja OKT keluar daripada kereta seorang diri. Di sini, pihak polis menunggu 1/2 jam di lokasi serbuan sebelum OKT dan dua penumpang kembali daripada restoran berkenaan.

[24] Fakta penting yang tidak dipertikaikan adalah terdapatnya
E dua orang penumpang kereta semasa OKT ditangkap. Oleh itu OKT tidak punya milikan sebenar ke atas dadah berkenaan mahupun *mens rea* possession ke atas dadah berkenaan. Lihat kes *Basil Omar v. PP* [2002] 4 CLJ 418. *Saad Ibrahim v. PP* [1967] 1 LNS 154 dan *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457.

F

[25] Juga menerima pakai keputusan kes *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215 dan *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734. saya berpendapat bahawa adalah menjadi tugas mahkamah di akhir kes pendakwaan untuk menguji, meneliti
G dan menilai keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dalam semua aspek bagi menentukan sama ada terdapat apa-apa percanggahan yang material yang boleh mengakibatkan intipati pertuduhan gagal untuk diasaskan.

H **[26]** Jikalau terdapat satu set fakta yang boleh mengakibatkan dua atau lebih inferen, maka inferen yang membawa manfaat kepada OKT hendaklah dibuat. Lihat kes *PP v. Kasmin Soeb* [1974] 1 LNS 116 dan kes *Abdullah Zawawi Yusoff v. PP* [1993] 4 CLJ 1.

I

[27] Setelah mendengar, menilai dan menimbangkan keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan atas pertimbangan 'maximum evaluation', saya dapati pihak pendakwaan telah gagal untuk mengasaskan satu kes *prima facie* terhadap OKT iaitu:

(i) Tiada apa-apa keterangan OKT punya milikan fizikal ke atas dadah berkenaan;

(ii) Tiada apa-apa keterangan OKT punya *mens rea* possession ke atas dadah berkenaan;

(iii) Tiada apa-apa keterangan OKT, semasa ditangkap berada dekat dengan dadah berkenaan;

(iv) Tiada apa-apa keterangan OKT bergelut atau meronta-ronta semasa ditahan;

(v) Tiada apa-apa barangan beriberi kepunyaan OKT terdapat bersama-sama bungkusan dadah;

(vi) Kehadiran Heng Chan Chin dan Hew Jit Meng bersama-sama OKT semasa ditangkap sekembalinya ke kereta selepas ke restoran;

(vii) Tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan OKT sedang membawa dadah untuk tujuan pengedaran (conveying the drugs for the purpose of trafficking it).

[28] Dengan itu, OKT dilepaskan dan dibebaskan daripada dipanggil membela diri atas pertuduhan P2.